

04 NOV 1996

Sanusi-Persidangan

LANGKAWI TUAN RUMAH SIDANG KEMUNCAK ASIA-KYUSHU KEEMPAT

ALOR SETAR, 4 Nov (Bernama) -- Langkawi dipilih untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Program Pertukaran Wilayah Asia-Kyushu Keempat pada tahun depan, kata Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid hari ini.

Sanusi yang baru pulang dari menghadiri persidangan kali ketiga yang diadakan di Fukoka, Jepun, berkata pemilihan Malaysia adalah atas cadangan Jepun yang berasa kagum dengan pembangunan Malaysia.

Persidangan itu akan diadakan pada November depan, sebelum atau selepas Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97 yang bertujuan membolehkan peserta persidangan menghadiri LIMA, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di Wisma Darul Aman di sini.

Beliau berkata, kerajaan negeri Kedah, yang mewakili Malaysia pada persidangan di Fukoaka itu akan menjemput lebih banyak peserta berbanding dengan 27 delegasi pada persidangan kali ini.

Katanya selain gabenor-gabenor dari beberapa wilayah di Asia Timur, persidangan itu juga buat pertama kalinya akan menjemput Gabenor Selatan Thailand, Sumatera Utara, Aceh dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap utama pada persidangan kali pertama di Kyushu, Jepun pada tahun 1994 dan pada tahun lepas yang diadakan di Filipina ucap utama disampaikan oleh Presiden Fidel Ramos. Tahun ini ia disampaikan oleh Ketua Setiausaha Hong Kong, Puan Anson Chan.

Katanya, kerajaan belum menetapkan siapa yang akan dijemput untuk menyampaikan ucap utama pada persidangan itu.

Persidangan yang bertemakan Bersama Mencipta Abad Asia Ke-21: Peranan dan Kemungkinan Pertukaran Wilayah diadakan dengan tujuan membincangkan soal pembangunan ekonomi, industri, pemeliharaan alam sekitar dan memberi cadangan untuk kemajuan bersama.

Mengenai lawatannya ke Fukoaka itu, Sanusi berkata, ia banyak memberi faedah kepada negeri ini terutama dalam usaha menjayakan konsep satu kampung satu produk.

Menurutnya kerajaan juga berhasrat menubuhkan sebuah institut latihan dengan kerjasama institut latihan di kepulauan itu khusus untuk mengajar rakyat negeri ini supaya mereka mempunyai kebolehan mengeluarkan barangan yang boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Jurulatih dari negeri ini akan dihantar berkursus di sana sementara jurulatih pusat itu pula akan dijemput untuk membantu pusat latihan yang akan ditubuhkan itu.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang menyebut ada Menteri Besar yang tidak memberi kerjasama dalam perlantikan Ketua Wanita Umno negeri, Sanusi berkata kalau Dr Zaharah ingin mendapat pandangannya, beliau bersedia memberikan pendapat. -- BERNAMA

MZM MFJ NMO